



**PEPERIKSAAN AKHIR / FINAL EXAMINATION  
SEMESTER II – SESI 2020/2021**

KOD KURSUS : MPU2312  
 COURSE CODE :

NAMA KURSUS : ISLAM DAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT  
 MALAYSIA  
 COURSE NAME :

TAHUN/PROGRAM : 2 / DQS-DSY-DMM  
 YEAR/PROGRAMME :

TEMPOH : 2 JAM 30 MINIT  
 DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES

TARIKH : APRIL 2021  
 DATE : APRIL 2021

**ARAHAN**  
**INSTRUCTION**

1. JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A,B DAN C  
 ANSWER ALL QUESTIONS IN PART A,B AND C
2. JAWAB HANYA DUA (2) SOALAN SAHAJA DALAM BAHAGIAN D.  
 ANSWER ONLY TWO (2) QUESTIONS IN PART D.
3. TULIS JAWAPAN ANDA DI DALAM KERTAS JAWAPAN YANG DISEDIAKAN.  
 WRITE YOUR ANSWER IN THE GIVEN ANSWER SHEETS.
4. CALON DIKEHENDAKI MEMATUHI SEMUA ARAHAN DARIPADA PENGAWAS  
 PEPERIKSAAN.  
 CANDIDATES ARE REQUIRED TO FOLLOW ALL INSTRUCTIONS GIVEN BY THE  
 EXAMINATION INVIGILATORS.

NO. K/P IC NO.	
TAHUN/PROGRAM YEAR/PROGRAMME	
NAMA PENSYARAH LECTURER'S NAME	

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI 10 MUKA SURAT BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN  
 THIS EXAMINATION PAPER CONSISTS OF 10 PAGES INCLUDING THE FRONT PAGE

BAHAGIAN A  
PART A  
(20 Markah / Marks)

ARAHAN : Jawab **SEMUA** soalan dalam bahagian ini. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

*Instruction : Answer **ALL** questions from this part. Choose the correct answers.*

1. Istilah “tamadun” diperkenalkan oleh .....
  - A. Ibn Khaldun
  - B. Muhammad Abduh
  - C. Jurji Zidan
  - D. Farid Wajdi
  
2. Istilah Qadar dalam rukun Islam adalah merujuk kepada .....
  - A. Kadar atau had kemampuan manusia dalam kehidupannya.
  - B. Pelaksanaan perancangan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.
  - C. Perancangan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT
  - D. Pembalasan bagi setiap perbuatan manusia, sama ada baik ataupun buruk
  
3. Tujuan syariah digubal bagi tujuan memelihara beberapa perkara asas dalam kehidupan manusia, antaranya ialah :
 

I. Harta	III. Akal
II. Agama	IV. Nyawa
A. I ,II dan III	C. II, III dan IV
B. I, II dan IV	D. Semua di atas
  
4. .... bermakna hukum-hukum syariat yang berkaitan dengan urusan dunia seperti jual beli dan sewa.
 

A. Munakahat	C. Jinayat
B. Muamalat	D. Maliyah
  
5. Apakah istilah yang sama maksud dengan “tamadun”
 

A. Hadanah	C. Huduri
B. Hadarah	D. Hadari
  
6. Berikut merupakan ciri asas sesebuah tamadun, **kecuali**
  - A. Perkembangan sains dan teknologi
  - B. Pekerjaan tetap yang menjamin pendapatan.
  - C. Sistem bahasa dan tulisan yang hidup
  - D. Sistem sosial yang teratur
  
7. Tamadun Islam berbeza berbeza daripada Tamadun Barat kerana Tamadun Barat .....
  - A. Diresapi oleh idea-idea berasaskan rasionalisme semata-mata
  - B. Menolak wahyu sebagai sumber ilmu
  - C. Tidak memisahkan antara ilmu wahyu dengan ilmu intelek
  - D. Tidak berasaskan kepada tauhid

8. Tamadun Islam bersumberkan :
- I. Al-Quran
  - II. Al-Sunnah
  - III. Warisan tamadun terdahulu
  - IV. Buku-buku tamadun Barat
- A. I dan II                      C. I, II dan III  
B. II dan III                     D. II, III dan IV
9. Antara faktor kejayaan Tamadun Islam adalah :
- I. Pertembungan antara Tamadun Islam
  - II. Polisi sains negara
  - III. Ekonomi
  - IV. Bahasa arab
- A. I dan II      C. I, II dan III  
B. II dan III    D. II, III dan IV
10. Apakah yang dimaksudkan dengan seni Islam
- A. Usaha menciptakan bentuk yang menyenangkan
  - B. Ciptaan bentuk yang mengandungi nilai estetika yang berpadu dengan nilai etika Islam
  - C. Ciptaan bentuk yang menghasilkan kesenangan
  - D. Aktiviti kesenian yang dilakukan oleh seorang seniman
11. Antara pernyataan berikut, yang manakah **benar** mengenai pandangan semesta tauhid sebagai penentu konsep seni Islam
- I. Seni Islam berpaksikan agama
  - II. Seni Islam bertujuan mempertingkatkan agama
  - III. Seni Islam bersumberkan wahyu Al-Quran
  - IV. Seni Islam menjurus kepada pengabdian kepada Allah SWT
- A. I, II dan III                      C. I, III dan IV  
B. I, II dan IV                      D. Semua di atas
12. Berikut adalah tanggungjawab isteri kepada suami.
- I. Mentaati dan mematuhi suami
  - II. Memberikan layanan baik kepada suami
  - III. Menjaga kehormatan diri
  - IV. Menjaga harta suami
- A. I, II dan IV  
B. I, III dan IV  
C. II, III dan IV  
D. Semua di atas

13. Apakah yang dimaksudkan dengan keluarga nuklear?
- I. Keluarga yang mempunyai ahli yang terdiri daripada suami.
  - II. Keluarga yang mempunyai ahli yang terdiri daripada isteri.
  - III. Keluarga yang mempunyai ahli yang terdiri daripada anak-anak.
  - IV. Keluarga yang mempunyai ahli yang terdiri daripada tiga generasi atau lebih.
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan III
  - D. I, II dan III
14. Sahifah Madinah menjadi panduan kepada masyarakat majmuk di Madinah untuk :
- I. Membangunkan sebuah komuniti yang selamat.
  - II. Membangunkan sebuah komuniti yang ahlinya tidak berperang antara sesama mereka.
  - III. Membangunkan sebuah komuniti yang menyelesaikan pertelingkahan secara damai.
  - IV. Membangunkan sebuah komuniti yang rosak kerana kepelbagaian ragam masyarakat yang wujud di dalamnya
- A. I dan II
  - B. I, II dan III
  - C. II, III dan IV
  - D. Semua di atas
15. Apakah yang dimaksudkan dengan ummah *wasatiyyah*?
- A. Umat yang adil dan umat pilihan yang sentiasa memiliki aspek kesederhanaan.
  - B. Umat yang adil dan melampau dalam segala hal
  - C. Umat yang adil dan melakukan amalan secara berlebih-lebihan
  - D. Umat yang adil dan memfokuskan kepada kehidupan dunia semata-mata
16. Antara pernyataan berikut, yang manakah **benar** mengenai Institusi Al-Mustansiriyyah
- I. Ia dibina atas inisiatif Nizam al-Mulk
  - II. Ia lebih khusus kepada mazhab Syafie
  - III. Ia menawarkan pengajian dalam bidang *Ulum Adabiyyah, Riyadiyyah, Aqliyyah, Tabi'iyah, dan Diniyyah.*
  - IV. Ia pernah mempunyai tenaga pengajar seperti Siraj al-Din Al-Sharmashahi Al-Maliki
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
17. Pernyataan berikut **benar** tentang sifat impresif, **kecuali**
- A. Remaja tidak mempunyai sikap impresif
  - B. Sikap impresif bererti sikap ingin tahu, ingin mencuba dan mudah terpedaya
  - C. Golongan tua juga selalu dikaitkan dengan sikap impresif
  - D. Sikap impresif menyebabkan seseorang itu matang
18. Antara pernyataan berikut, yang manakah menggambarkan definisi fungsi sekolah sebagai pusat tarbiah dan ta'dib lanjutan daripada ibu bapa?
- A. Sekolah menunaikan amanah dalam menyampaikan ilmu pengetahuan
  - B. Sekolah menunaikan amanah memberikan pelajaran dan pendidikan.
  - C. Sekolah menyediakan perlindungan kepada kanak-kanak yang malang.
  - D. Sekolah membiayai kos pendidikan sepenuhnya.

19. Semua berikut benar tentang faktor perpecahan umat Islam semasa dalam konteks global, **kecuali**
- A. Percaturan politik dunia Islam dikuasai oleh imperialis Barat.
  - B. Peranan media massa Barat melaga-lagakan sesama Islam
  - C. Penghijrahan golongan intelektual Islam ke dunia Barat
  - D. Tidak wujud kerjasama sesama dunia Islam dalam pelbagai bidang
20. Berikut benar tentang perpecahan ummah peringkat nasional, **kecuali**
- A. Perebutan kuasa.
  - B. Elemen subversif dalam negara Islam
  - C. Penganiayaan dan penindasan.
  - D. Tidak mengambil berat kebajikan masyarakat Islam luar negara.

BAHAGIAN B  
PART B  
(20 Markah / Marks)

ARAHAN : Jawab **SEMUA** soalan dalam bahagian ini. Isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang sesuai.

*Instruction : Answer **ALL** questions from this part. Fill in the blanks below with the correct answers.*

1. Perpisahan dan perceraian adalah dibenarkan dalam islam. Namakan bentuk perpisahan atau perceraian bagi maksud berikut :  
*Divorce and divorce are allowed in Islam. Name the separation or divorce for the following purposes*

<b>Bentuk Perpisahan Separation Form</b>	<b>Situasi Situation</b>
(a) .....	Suami menyamakan sebahagian daripada fizikal isteri dengan perempuan yang haram dinikahnya. <i>Husband equates part of his physical wife with an illegitimate woman</i>
(b) .....	Perceraian akan berlaku berdasarkan syarat yang dipersetujui <i>Divorce will take place on agreed terms</i>
(c) .....	Bayaran dikemukakan sebagai balasan untuk perceraian <i>Payment is submitted in return for divorce</i>
(d) .....	Talak dijatuhkan oleh hakim berdasarkan aduan yang dibuat oleh pihak isteri <i>Judgment was dropped by a judge based on a complaint made by his wife</i>
(e) .....	Perceraian biasa yang dijatuhkan oleh suami. <i>The usual divorce that the husband declared.</i>

(5 markah / marks )

2. Karya penting al-Farabi dalam bidang falsafah ialah ..... , ..... dan .....  
*The important works of al-Farabi in the field of philosophy are ..... and ..... and .....*
3. Sumber sesebuah tamadun secara umumnya ialah agama, ..... , ..... dan .....  
*The source of a civilization is generally religious, ..... , ..... and .....*

4. Keistimewaan kesenian Islam ialah berpaksi kepada konsep .....  
*The privilege of Islamic art is to adhere to the concept .....*
5. .... ialah asas-asas kepercayaan yang menjadi punca keimanan seseorang individu atau masyarakat terhadap islam sebagai agama yang diwahyukan oleh Allah SWT menerusi Nabi Muhammad SAW kepada seluruh umat manusia.  
*.....are the basic beliefs that are the source of an individual's or community's faith in Islam as a religion revealed by Allah SWT through the Prophet Muhammad SAW to all mankind.*
6. .... boleh difahami sebagai peraturan hidup yang digariskan oleh Islam bersumberkan wahyu dan sunnah nabi untuk diamalkan setiap manusia.  
*..... can be understood as a rule of life outlined by Islam sourced from the revelation and sunnah of the prophet to be practiced by every human being.*
7. Institusi pendidikan paling awal dalam sejarah Islam ialah .....  
*The earliest educational institution in Islamic history is .....*

(10 markah / marks)

8. Nyatakan istilah yang sesuai dengan pernyataan berikut :  
*State the terms that correspond to the following statement :*

Istilah	Maksud
(a) .....	Sekiranya dilakukan, tidak diberikan sebarang ganjaran mahupun balasan. Sekiranya tidak dilakukan, akan diberi ganjaran pahala. <i>If done, no reward or reward will be given. If they do not do so, they will be rewarded.</i>
(b) .....	Sekiranya dilakukan, tidak mendapat sebarang ganjaran ataupun balasan. Sekiranya tidak dilakukan, tidak mendapat sebarang ganjaran ataupun balasan. <i>If done, no reward or reward will be given. If this is not done, there will be no reward or reward.</i>
(c) .....	Sekiranya dilakukan, mendapat pahala. Sekiranya tidak dilakukan, tidak mendapat sebarang ganjaran mahupun balasan. <i>If you do, you will receive a reward. If this is not done, there will be no reward or reward.</i>
(d) .....	Sekiranya dilakukan, diberi pahala. Sekiranya tidak dilakukan, dibalas dengan dosa. <i>If done, reward. If they do not do so, they will be rewarded with sin.</i>
(e) .....	Sekiranya dilakukan, akan mendapat balasan dosa. Sekiranya tidak dilakukan, mendapat

	balasan pahala. <i>If they do, they will receive the penalty for sin.          If not done, get a reward.</i>
--	--

(5 markah / marks)

BAHAGIAN C  
PART C  
(40 Markah / Marks)

ARAHAN : Jawab **SEMUA** soalan dalam bahagian ini.  
*Instruction : Answer **ALL** questions from this part.*

SOALAN 1/ QUESTION 1

1. Terangkan maksud *jinayat* mengikut Islam, serta sebutkan bentuk hukumannya.  
*(Explain the meaning of jinayat in Islam and its type of punishment.)* (3 Markah / marks)
  
2. Apakah yang dimaksudkan dengan zina? Sebutkan hukuman bagi pezina menurut Islam.  
*(What is meant by adultery ? State the punishment for adultery according to islam.)* (4 Markah/ marks)
  
3. Sebutkan definisi moral. Berikan **DUA (2)** sumber moral.  
*( State the definition of moral. Give two sources of moral. )* (4 Markah / marks)
  
4. Sebutkan **DUA (2)** punca keruntuhan moral dalam masyarakat.  
*(State **TWO (2)** causes of moral collapse in society.)* (4 Markah / marks)
  
5. Pada pendapat anda, bagaimanakah peranan kerajaan dalam mengawal keruntuhan moral.  
*(In your opinion, How is role of goverment in controlling moral collapse? )* (5 Markah/ marks)



SOALAN 2/ QUESTION 2

1. Apakah falsafah pendidikan Islam?  
(*What the philosophy of Islamic education.*) (3 Markah / marks)
2. Terangkan fungsi institusi pendidikan yang berikut :  
(*Explain the functions of the following educational institutions:*)
- a) Masjid
- b) Kuttab (4 Markah / marks)
3. 

“ Pemimpin beragama Islam di sesebuah negara perlulah memimpin negara dengan prinsip yang telah ditetapkan oleh Islam “  
*“Muslim leaders in a country should lead the country according to the principles set by Islam”*
- Berdasarkan petikan diatas, jelaskan **DUA (2)** prinsip yang mesti dipegang oleh seorang pemimpin Islam.  
(*Based on the above quote, explain the **TWO (2)** principles that must be held by an Islamic leader.*) (4 Markah / marks)
4. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengembalikan kepimpinan mengikut cara Rasulullah dan para sahabat ?  
(*In your opinion, How to restore leadership in the way of prophet and his companions.* ) (4 Markah / marks)
5. Bagaimanakah sistem *syura* di dalam Islam mampu membawa pentadbiran ke arah lebih maju dan berwawasan?  
(*How does syura system in islam is capable of bringing the administration towards a more advanced and visionary level?*) (5 Markah/ marks)

BAHAGIAN D  
PART D  
(20 Markah / Marks)

ARAHAN : Jawab **DUA (2)** soalan sahaja dalam bahagian ini.

*Instruction : Answer **TWO (2)** questions only from this part.*

Soalan Esei (Essay Question)

1. 
 “Cerai adalah suatu perkara yang dibenci oleh Allah S.W.T, tetapi tidak mendatangkan dosa apabila perkara ini diharuskan oleh syarak.”  
*(Allah hates divorce, but it is not sinful when it is permissible by syarak.)*

Pada pendapat anda, jelaskan kesan-kesan penceraian dari sudut positif dan negatif.

*( In your opinion, explain the effects of divorce from a positive and negative perspective.)*

(10 Markah / marks)

2. Seorang muslim mesti mempunyai kehidupan yang sentiasa berhubungan dengan Tuhannya. Pada pendapat anda, bagaimanakah seorang muslim mempraktikkan kehidupannya berdasarkan konsep Iman, Islam dan Ihsan dalam kehidupan seharian  
*(Muslim must have a life that always connects to God. On your opinion, how to practice daily-life agreeing the concept of Iman (Faith), Islam and Ihsan (goodwill).)*

(10 Markah / marks)

3. Sebagai seorang rakyat Malaysia, apakah usaha yang perlu dilakukan bersama dalam memupuk semangat kesatuan ummah?  
*( As a Malaysian citizen, what is the effort to be done together in fostering the spirit of the unity of the ummah? )*

(10 Markah / marks)

4. Pada pendapat kamu, mengapakah semangat kesatuan ummah sukar direalisasikan di Malaysia?  
*(In your opinion, why the spirit of the unity of the ummah is difficult to realize in Malaysia?)*

(10 Markah / marks)

**SOALAN TAMAT  
( END OF QUESTIONS)**